

# Mad Nasir TNC Akademik baharu UPM

**Serdang:** Prof Datuk Dr Mad Nasir Shamsudin dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) baharu, Universiti Putra Malaysia (UPM).

Pelantikan selama tiga tahun berkuat kuasa 1 Disember 2013 hingga 30 November 2016 itu menggantikan Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris yang tamat tempoh pelantikan pada 30 November lalu.

Berkelulusan Ijazah Doktor Fal-safah (PhD) dari Mississippi State University, Amerika Syarikat (AS), Mad Nasir bertanggungjawab meningkatkan pembangunan akademik termasuk menambah baik kualiti pengajaran dan pembela-jaran serta bertanggungjawab ke atas perkembangan dan promosi hal ehwal antarabangsa universiti.

## Pakar eko-nomi

Memula-kan karier di UPM sejak 28 tahun lalu sebagai pensyarah pada 1986, beliau pernah menjadi Dekan k e p a d a dua fakulti iaitu Fakulti Pengaji-an Alam Sekitar (2004-2009) dan Fakulti Pertanian (2009-2012).

Beliau juga berpengalaman sebagai penyelidik dan perunding Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri pada 1994-1995 sehingga berjaya mem-bangunkan Model Analisis Sektor Pertanian Malaysia.

Pada peringkat antarabangsa, Mad Nasir adalah ahli Pacific Food System Outlook Forecasting Panel di bawah Pacific Economic Coope-ration Council (PECC).



Prof Mad Nasir